



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 (38)
Tarikh : 27 Julai 2022

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB MALAYSIA dalam Gred G1 dalam kategori pengkhususan seperti di bawah, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :


Bil.	No Sebutharga	Keterangan Kerja	Berdaftar dengan CIDB & PKK	Taklimat / Lawatan Tapak
1	BP 22/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Dan Mengganti Pagar Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Taman Bukit Nibong, Daerah Seremban, Negeri Sembilan	Gred : G1 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04, CE01 & CE21	Di Pintu Masuk Rumah Pangsa Taman Bukit Nibong 3 Ogos 2022 - Khamis Jam 9.00 pagi

- Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut **WAJIB** menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti di atas. **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB SAHAJA** di benarkan untuk mendaftar dan Kontraktor perlu membawa **COP** Syarikat semasa mendaftar di tapak. Kontraktor perlu mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) semasa mendaftar di tapak.

3. Borang sebutharga akan mula dijual pada **4 Ogos 2022 (Khamis)** sehingga **11 Ogos 2022 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar di Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan membeli borang**. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **11 Ogos 2022 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAH BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan